

Laporan CSR

Kumpulan LINTEC 2016



Linking your dreams
LINTEC Corporation

Mesej Pendahuluan

Asas kegiatan CSR adalah semangat ‘keikhlasan dan kreativiti’ untuk terus memberi sumbangan kepada masyarakat.

Kami melahirkan rasa simpati kepada penduduk yang ditimpa tragedi gempa bumi di Kumamoto, dan kami mengharapkan pembaikpulihan di kawasan yang terjejas dilakukan secepat mungkin.

Di dalam garis panduan “LIP-2016”, kami menggalakkan perkembangan aktiviti perniagaan yang progresif.

Sebagai sebuah syarikat terkemuka dalam bidang penghasilan perekat bahan, Kumpulan LINTEC telah menghasilkan pelbagai jenis produk berdasarkan kepakarannya yang khusus seperti kepakaran aplikasi perekat, pembaharuan permukaan dan sebagainya.

Selain itu, bermula dari tahun 2014, Kumpulan LINTEC telah menyatakan 5 tema penting dalam Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan “LINTEC INNOVATION PLAN 2016 (LIP-2016)”, iaitu “Memacu perkembangan global”, “Penghasilan produk baharu dan revolusioner yang menyokong era seterusnya”, “Transformasi ke arah sistem pengurusan yang kukuh dan tahan lama”, “Implementasi M&A (Penggabungan dan Pemerolehan) yang strategik”, dan “Pembangunan sumber manusia”, seterusnya menggalakkan perkembangan aktiviti perniagaan yang progresif.

Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan “LIP-2016”

(1 April 2014 - 31 Mac 2017)

Polisi asas

Mengembalikan jalan pertumbuhan dengan pengurusan agresif dan inovasi berterusan

Tema Penting

1. Memacu perkembangan global
2. Penghasilan produk baharu dan revolusioner yang menyokong era seterusnya
3. Transformasi ke arah sistem pengurusan yang kukuh dan tahan lama
4. Implementasi M&A (Penggabungan dan Pemerolehan) yang strategik
5. Pembangunan sumber manusia

Untuk merealisasikan matlamat perniagaan, kami menggalakkan perkembangan global.

Salah satu tema utama dalam “LIP-2016” adalah, ‘perkembangan global’ iaitu ‘kadar peningkatan jualan di luar negara adalah melebihi 40%’ dan ini merupakan tugas penting kepada kami untuk merealisasikan matlamat perniagaan.

Salah satu inisiatif dalam bidang ini adalah dengan mengadakan pameran berkaitan pelabelan iaitu “LABELEXPO EUROPE 2015” di Belgium pada September 2015. Ini merupakan pameran yang terbesar di dunia. Terdapat banyak gerai pameran yang memperkenalkan produk-produk baru, dan keunggulan Kumpulan LINTEC telah menarik perhatian syarikat pengguna Eropah buat kali pertama di dunia. Di samping itu, dalam pameran tersebut, buat pertama kalinya kami telah menerima “Anugerah Global Industri Label” bidang kemampanan yang telah dinilai oleh syarikat kitar semula bahan label PET. (Maklumat lanjut di →P15.)

Pada bulan Disember 2015, peralatan pembersihan salutan perekat telah berjaya disiapkan di Thailand. Kesannya, produk yang mempunyai penambahan nilai yang tinggi ini telah bersedia untuk berkembang pesat di setiap Negara Asia terutamanya di Asia Tenggara.

Dengan aktiviti perniagaan globalisasi seperti ini, ia dapat memperluaskan ruang perniagaan di seluruh sempadan. Kami juga sedang berusaha untuk memperkuatkan pematuhan kepada peraturan pemegang kepentingan yang terlibat dalam pengurusan risiko dan pentadbiran piawaian antarabangsa.

Kami memperkuatkan kedua-dua aspek keras dan lembut demi mewujudkan produk baru yang inovatif.

Dalam usaha Kumpulan LINTEC untuk mencapai pertumbuhan yang mampan, ‘penciptaan produk baru yang inovatif’ adalah



Hiroyuki Nishio

Pengarah Wakil, Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi LINTEC Corporation

menjadi sama penting dengan perkembangan global. Dalam tema ini, kemajuan yang mantap telah dilihat dalam aspek keras dan lembut.

Aspek keras (fasiliti) telah mula dijalankan sepenuhnya di institut penyelidikan baru iaitu 'bangunan teknologi maju'. Dengan penghasilan bahan baru dan proses penghasilan kuantiti bahan dijalankan secara konsisten, pengeluaran produk baru yang inovatif di pasaran dapat dipercepatkan.

"Bengkel pamacu CSR" telah diadakan sebagai inisiatif aspek lembut (budaya). Seluruh organisasi di setiap jabatan termasuk warga kerja golongan muda dan juga pekerja peringkat pertengahan telah mengambil bahagian dalam bengkel ini, yang telah diadakan sebanyak 5 kali, untuk membincangkan model perniagaan baru yang mempunyai perkaitan dengan penyelesaian dan penambahbaikan isu sosial. Dalam bengkel tersebut, idea yang unik dan berpotensi tinggi dilihat, dan kami juga mempertimbangkan untuk menjalankannya dengan lebih terperinci.

Pada masa akan datang, kami berharap agar dapat menghasilkan pembangunan model perniagaan yang inovatif dan bebas berfikir tanpa sekatan dalam rangka kerja yang sedia ada.

Mengukur situasi pencapaian materialiti (isu penting) dan menetapkan indeks.

Kumpulan LINTEC telah mengenal pasti materialiti (isu penting) pada tahun fiskal 2014, dan pada tahun 2015, kami menetapkan indeks penilaian utama^{*1} untuk setiap item tertentu. Berdasarkan hal ini, kami dari Kumpulan LINTEC percaya bahawa pengoptimuman yang sepadan dengan individu, berpotensi untuk pergi lebih jauh dengan mempromosikan pengoptimuman secara keseluruhan.

Pada masa akan datang, di samping mengenalpasti keadaan proses pelaksanaan kearah mencapai matlamat setiap item, kami mengerakkan kitaran PDCA aktiviti CSR.

Amanah dalam bekerja dan bekerja dengan ikhlas.

Asas kegiatan CSR yang dinyatakan sebelum ini adalah berakar dari moto syarikat "keikhlasan dan kreativiti".

Peningkatan perniagaan ke kawasan baru yang lebih global, dan percubaan untuk menghasilkan produk baru yang inovatif tidak menghapuskan semangat 'kreativiti'.

Walau bagaimanapun, di samping menghadapi cabaran dalam usaha kreativiti seperti ini, kami memerlukan asas pembinaan yang kukuh. Untuk itu, pematuhan undang-undang dan sistem perdagangan yang adil, menghormati sesama manusia, mencipta persekitaran yang memudahkan pekerjaan dan sebagainya, semua ini memerlukan semangat 'keikhlasan'. Kami percaya bahawa apa yang penting dalam membuat pertimbangan bukannya "pulangan modal" atau "baik dan buruk", tetapi dengan bekerja secara ikhlas, kami akan mendapat kepercayaan yang daripada pelanggan dan masyarakat.

Mulai sekarang semua pekerja harus bersatu, untuk menggalakkan aktiviti CSR dalam semangat "keikhlasan dan kreativiti", bagi memenuhi harapan pemegang kepentingan dan terus memberi sumbangan kepada masyarakat.

Laporan ini bertujuan untuk memberi pemahaman yang lebih baik tentang aktiviti CSR semua pekerja dalam Kumpulan LINTEC dan kepada semua masyarakat. Kami sedaya upaya membuat ringkasan keputusan pada tahun 2015 berkenaan hal ini. Terima kasih di atas galakan dan sokongan berterusan daripada semua orang.

*1 Indeks penilaian utama: → lihat P06.

Aktiviti CSR oleh Kumpulan LINTEC

Asas kepada CSR dalam Kumpulan LINTEC ialah moto syarikat ini iaitu ‘Keikhlasan dan Kreativiti’.

Setiap pekerja menggiatkan aktiviti CSR di bawah moto ini.



Pelaksanaan CSR menerusi perniagaan utama

Perniagaan Kumpulan LINTEC wujud daripada sokongan oleh para pemegang kepentingan. Bagi memenuhi harapan pemegang kepentingan dan menjadi syarikat yang dipercayai, semua pekerja, dengan meletakkan moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” sebagai asas, mengambil “LINTEC WAY”, “Sikap Asas CSR”, dan “Garis Panduan Pematuhan” yang penting bagi mendokong moto syarikat, dan memacu secara proaktif kegiatan CSR.

Selain itu, bermula dari bulan April 2014, untuk merealisasikan Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan “LINTEC INNOVATION PLAN 2016 (LIP-2016)”, pengukuhan pengurusan kumpulan adalah penting, dan kami menggalakkan aktiviti CSR yang berterusan dalam global. Kumpulan LINTEC menggabungkan aktiviti CSR yang berhubung terus dengan pihak pengurusan, dan untuk mengamalkan CSR melalui syarikat, pada tahun 2015 kami telah menetapkan indeks penilaian utama*1 yang baru berdasarkan materialiti yang dikenalpasti. Kami mengamalkan aktiviti CSR yang strategik berdasarkan amalan kitaran PDCA.

Sistem pemacu CSR

Di bawah kawalan langsung ketua Bahagian Perjalanan CSR, kami menjalankan pembangunan tahap etika yang tinggi dan menyokong aktiviti jawatankuasa CSR. Jawatankuasa CSR ini terdiri daripada ahli merentas organisasi, yang bertanggungjawab menyusun dan bertanggungjawab dalam promosi bagi setiap jawatankuasa, dan mengetuai aktiviti pengurusan.



Pada 1 April 2016

*1 Indeks penilaian utama: → lihat P06.

Penyertaan ke "UN Global Compact"

Kumpulan LINTEC telah menyertaai "UN Global Compact" dari April 2011. Dengan berdasarkan 10 prinsip yang tertera di bawah, kami menjalankan kegiatan industri kami, dan menyumbang terus kepada pembangunan berterusan syarikat.

Hak manusia Prinsip 1: Sokongan dan penghormatan terhadap perlindungan hak manusia Prinsip 2: Menolak perlenggaran hak manusia	Alam Sekitar Prinsip 7: Pendekatan bersifat pencegahan masalah alam sekitar Prinsip 8: Inisiatif bertanggungjawab terhadap alam sekitar Prinsip 9: Pembangunan dan penyebaran kepakaran mesra alam sekitar
Standard kerja Prinsip 3: Perakuan kebebasan berpersatu dan hak perundangan kolektif Prinsip 4: Menolak kerja paksaan Prinsip 5: Menolak amalan buruh kanak-kanak Prinsip 6: Menghilangkan diskriminasi perlantikan dan pekerjaan	Pencegahan Korupsi Prinsip 10: usaha pencegahan korupsi dalam segala bentuk termasuk peras ugut dan pemberian rasuah

ISO26000

"ISO26000" adalah standard bertaraf antarabangsa yang berkaitan dengan tanggungjawab kemasyarakatan pada mana-mana organisasi. Dalam Kumpulan LINTEC, dengan menjadikan 7 tema teras sebagai rujukan, kami menjalankan kegiatan CSR.

 Pentadbiran organisasi	 Budaya industri yang adil
 Hak manusia	 Isu pengguna
 Budaya kerja	 Penglibatan komuniti dan pembangunan komuniti
 Alam Sekitar	

Komunikasi dengan pemegang kepentingan

Demi memenuhi harapan masyarakat, Kumpulan LINTEC bercadang untuk berdialog secara aktif dengan semua pemegang kepentingan.

Pelanggan	Menyasarkan untuk menaiktaraf produk dan perkhidmatan, membina hubungan kepercayaan dan meningkatkan taraf kepuashatian pelanggan.	<ul style="list-style-type: none">Pameran di dalam dan luar negaraKaunter pertanyaan dan sebagainya
Klien	Bermatlamat mengadakan urusniaga jujur dan saling memahami, menghormati undang-undang secara keseluruhan, dan membina hubungan kepercayaan.	<ul style="list-style-type: none">Sesi peneranganSoal selidik dan sebagainya
Masyarakat bumi	Bermatlamat untuk saling memahami dengan masyarakat serantau, dan mengembalikan keuntungan kepada masyarakat.	<ul style="list-style-type: none">Lawatan sambil belajar ke kilangKegiatan menyumbang kepada masyarakat dan sebagainya
Pekerja	Di bawah moto syarikat, bermatlamat menjadi tempat kerja yang mempunyai tujuan.	<ul style="list-style-type: none">Majalah komunikasiInternet dan sebagainya
Pemegang saham/pelabur	Menyasarkan peningkatan nilai syarikat dan pembangunan hubungan kepercayaan.	<ul style="list-style-type: none">Mesyuarat umum pemegang sahamLawatan pelabur luar negaraKomunikasi dengan pemegang saham "WAVE"Halaman utama dan sebagainya

Rangkaian nilai Kumpulan LINTEC

Kami sedang berusaha dalam CSR melalui semua pihak pembekal dan rangkaian nilai.



Materialiti (isu penting)

Sebagai memenuhi permintaan dari pemegang kepentingan dan memacu kegiatan CSR, pada tahun fiskal 2014, Kumpulan LINTEC telah mengenal pasti materialiti bermula dari langkah 1 di bahagian sebelah kanan hingga langkah 3 kemudian, pada tahun 2015 kami telah menetapkan indeks penilaian utama*1.

Proses penetapan indeks penilaian utama dan materialiti khusus

Langkah 1 Isu pengekstrakan

Dari setiap rangka kerja dan pemegang kepentingan dan komunikasi dalam ISO26000 dan G4, kami mengeluarkan "isu berkaitan CSR" yang perlu dipertimbangkan.

Materialiti		Lingkungan sasaran (sempadan)		Latar belakang pemilihan
		Dalam syarikat	Luar syarikat	
Pentadbiran organisasi	Pengurusan pentadbiran global	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Dari segi membangunkan industri secara global, adalah perlu untuk membangun sistem pengurusan global yang strategik dan lebih tinggi daripada taraf yang dikehendaki undang-undang/peraturan setiap negara, membahagikan tugas antara pelaksana dan pengaudit, meneruskan penjelasan polisi, dan merancang penggunaan.
Alam Sekitar	Penggunaan sumber secara efektif	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Dengan menggunakan sumber fosil, pulpa dan air, penghabisan sumber asli akan membawa kesan yang mungkin berkekalan kepada masyarakat. Tambahan pula, sumber yang tidak lagi boleh didapati secara tetap kerana pembangunan juga ada, dan kerana itu, penggunaan yang menjimatkan jumlah penggunaan dan efektif sedang dicari.
	Pengurangan pelepasan bahan cemar ke atmosfera	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Bahan cemar yang dilepaskan ke atmosfera seperti gas rumah hijau, bahan perosak lapisan ozon, VOC dan lain-lain, membawa kesan kepada bumi secara keseluruhannya dan kerana itu pengurangannya adalah dikehendaki. Adalah perlu untuk mengambil langkah strategik seperti pengurusan jumlah keseluruhan.
	Sumbangan dari aspek alam sekitar melalui produk dan perkhidmatan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Daripada pembangunan kepada pembuatan, ketika penggunaan produk dan pembuangan, keperluan untuk mengambil kira alam sekitar meninggi, dan pengurusan LCA*2 adalah perlu dan tidak boleh dielakkan. Adalah perlu untuk mengambil kira dari segi produk yang dibekalkan kepada pelbagai sektor.
	Tindak balas pematuhan aspek alam sekitar	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Peraturan alam sekitar adalah berbeza bagi setiap rantau dalam sasaran dan kaedah peraturannya. Selepas ini, untuk respon kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pencemaran atmosfera, air, buni dan gegaran di negara maju dan membangun, pemahaman dan tindak balas terhadap sistem yang tepat adalah difikirkan perlu.
Budaya kerja	Tindak balas terhadap keselamatan dan kebersihan kerja	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Pemahaman dan tindak balas terhadap situasi, tidak sekadar berkenaan keselamatan dan kebersihan kerja, bahkan juga merangkumi pembekal negara membangun yang utama adalah dikehendaki. Tindak balas terhadap kesihatan mental juga menjadi penting.
	Merealisasikan kepelbagaian di tempat kerja	<input type="radio"/>	-	Bagi mencipta tempat kerja yang mesra pekerja, adalah penting untuk mengambil kira tentang kepelbagaian (jantina, minoriti, LGBT*3 dan sebagainya) dan untuk memberi kelebihan dalam persaingan dari segi pengurusan, adalah perlu untuk menyediakan polisi yang bermatlamat merealisasikan kepelbagaian.
	Menaikkan taraf kepuashatian para pekerja	<input type="radio"/>	-	Bagi syarikat ini, pekerja adalah pemegang kepentingan yang penting. Pertumbuhan jangka panjang syarikat adalah bergantung kepada para pekerja yang bekerja dengan penuh bangga, dan kepuashatian yang tinggi.
Masyarakat	Perlaksanaan usaha wajar*4 hak manusia	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Kerana pembekalan tersebut di serata global, dan seterusnya memahami risiko hak manusia pada pembekal, supaya seluruh SCM*5 dapat melindungi hak manusia, penyediaan sistem pendidikan/pengauditan kepada pihak-pihak yang berkaitan adalah penting.
	Tindak balas kepada pematuhan aspek kemasyarakatan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Bagi undang-undang dan peraturan berkaitan aspek kemasyarakatan, sasaran dan kaedah peraturan adalah berbeza bagi setiap rantau, dan kerana itu, pemahaman terhadap sistem yang tepat adalah perlu. Adalah perlu untuk bekerjasama dan menyediakan sistem pengurusan yang global dan menyimpulkan semua keadaan di setiap negara.
	Tindak balas kepada pematuhan aspek produk	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Bagi undang-undang dan peraturan berkaitan produk, bahan sasaran dan kaedah peraturan adalah berbeza bagi setiap rantau, dan kerana itu, pemahaman terhadap sistem yang tepat adalah difikirkan perlu. Pembekalan produk secara tetap, pengoptimuman pengurusan kualiti dan pemacuan naik taraf perkhidmatan adalah sesuatu yang wajib ada.
	Sumbangan kepada penggunaan yang lestari	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Sebagai pengeluar bahan yang berkaitan dengan pelbagai penggunaan, pertimbangan kepada pengguna dan pengenalan serta penyebaran maklumat produk adalah diperlukan.
	Merealisasikan simbiosis dengan komuniti serantau	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Dalam memacu perkembangan global, titik pertembungan dengan komuniti rantauan bertambah. Adalah perlu untuk menyedari bahawa syarikat adalah disokong oleh rantau dan masyarakatnya, serta merupakan sebahagian dari masyarakat, dan menjalankan kegiatan yang menyumbang dalam pelbagai bentuk bagi merancang simbiosis dengan masyarakat.
Sumbangan pada aspek industri	Pembinaan model perniagaan untuk pengeluaran dalam pasaran tempatan di negara-negara membangun	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Kami meluaskan kegunaan produk perekat dan membekalkan produk yang berguna ini ke negara-negara membangun serta melaksanakan perkembangan global berorientasikan kualiti. Kami mencipta permintaan tempatan, menggalakkan lagi perolehan tempatan, dan merancang pembinaan model perniagaan yang mendatar.
	Perluasan ke bidang baharu	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Dengan menyedari kekuatan dan kelemahan daya kepakaran dan penyelidikan semasa, kami merancang perluasan ke bidang baru yang memberi respon kepada keperluan pelanggan global dan isu kemasyarakatan. Adalah perlu juga untuk mengambil kira tentang sifat kemasyarakatan (keselamatan, kualiti, harga) melalui perbincangan dengan pemegang kepentingan.

*1 Indeks penilaian utama: Indeks penting yang berkaitan dengan strategi organisasi yang ditetapkan untuk mengukur secara kuantitatif tahap pencapaian matlamat.

*2 LCA: Singkatan bagi 'Life Cycle Assessment'. Kaedah mengira jumlah tenaga, air, dan sumber yang digunakan serta CO₂, dan bahan kimia toksik yang dikeluarkan sepanjang keseluruhan kitaran hidup produk, untuk menilai secara keseluruhan kesan terhadap

alam sekitar.

*3 LGBT: Akronim bagi Lesbian (orang yang suka sesama jantina perempuan), Gay (orang yang suka sesama jantina lelaki), Biseksual (orang yang suka kedua-dua jenis jantina) dan Transgender (pengidap sindrom Gangguan Identiti Seksual), salah satu nama am bagi minoriti seksual.

Langkah 2 Penetapan susunan keutamaan

Kami memberi prioriti tentang isu yang berlaku dari 2 sudut pandangan iaitu “kepentingan kepada Kumpulan LINTEC” dan “kepentingan kepada pemegang kepentingan”.

Langkah 3 Pemastian kesesuaian

Pakar dalam syarikat dan presiden pembuat keputusan berkaitan CSR telah membuat kelulusan dan penilaian.

Langkah 4 Penetapan indeks penilaian utama

Pendedahan materialiti yang telah dikenalpasti. Berdasarkan kemajuan perusahaan, pada tahun 2015 indeks penilaian utama telah ditetapkan.

	Keadaan yang harus ada	Usaha	Indeks penilaian utama
	Berusaha mengukuhkan sistem pengurusan serta memastikannya berfungsi	Pengukuhan tadbir urus global	(1) Mengguna pakai khidmat perundingan dalam dan luar negara (2) hasil daripada audit dari jabatan audit dalaman yang diperiksa dengan undang-undang setiap negara dan piawaian syarikat
	Berusaha mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan pematuhan terhadap undang-undang alam sekitar.	Aktiviti perolehan yang mengambil kira tentang mengurangkan kesan kepada alam sekitar, berdasarkan Polisi Asas Pemerolehan Bahan Mentah LINTEC	Berat pelarut organic
		Pengurangan pelepasan gas ke atmosfera berdasarkan matlamat jangka masa sederhana alam sekitar	(1) pembebasan gas CO ₂ semasa proses pembuatan (2) pembebasan VOC
		Pembangunan dan penyebaran produk mesra alam yang mengambil kira tentang LCA	Bilangan pembuatan produk yang mesra alam sekitar
		Pengurusan dan tindak balas pematuhan dalam aspek alam sekitar berdasarkan sistem pengurusan alam sekitar	Jumlah kes pelanggaran undang-undang alam sekitar
	Membina persekitaran tempat kerja di mana pekerja boleh bekerja dengan rasa selamat, dan memastikan keselamatan pekerja apabila berlaku kecemasan.	Mematuhi sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerja, dan melaksanakan aktiviti untuk melindungi keselamatan pekerja	(1) jumlah cuti bekerja akibat bencana kemalangan dan perburuan (2) tempoh masa tiada kemalangan sepenuhnya
		Menghormati kepelbagaiannya setiap pekerja dan menyediakan tempat kerja yang elok	(1) kadar pengurusan pekerja wanita (2) kadar penjagaan dan asuhan kanak-kanak selepas pulang bercuti
		Penstrukturkan persekitaran tempat kerja yang memberi motivasi kepada pekerja	Kadar perolehan kakitangan pada tahun ketiga
	Berusaha memacu komunikasi global yang mengambil kira tentang pemegang kepentingan.	Mengambil kira tentang hak asasi manusia bagi keseluruhan rantai bekalan dan memahami risiko	Jumlah maklum balas soal selidik dari pembekal
		Ketelusan dan penelitian tentang pematuhan dalam syarikat	Kadar maklum balas soal selidik tentang pematuhan eksekutif dan pengurus syarikat
		Pencegahan dan pengurangan kemalangan yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti barang	Jumlah laporan kemalangan berkaitan produk utama
		Memperkenalkan dan menyebarkan keberkesanan produk yang mesra alam sekitar kepada pemegang kepentingan	Jumlah penyertaan dalam pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa (penilaian aktiviti)
		Sebagai warga korporat yang baik, melaksanakan aktiviti sosial yang memberi sumbangan kepada masyarakat setempat	(1) jumlah penerimaan peserta dalam lawatan kilang (2) pelaksanaan aktiviti yang memberi sumbangan kepada masyarakat
	Memacu model perniagaan yang mengambil kira tentang persekitaran dan masyarakat, serta berusaha mewujudkan perniagaan yang menyumbang kepada penyelesaian masalah social.	Pembangunan penyelidikan produk yang bertujuan untuk memberi penyelesaian dalam permasalahan masyarakat dan mempromosi perolehan tempatan	Penstrukturkan sistem pendaftaran bahan mentah tempatan di lokasi luar negara
			Bilangan permohonan paten (penilaian aktiviti)

*4 Usaha Wajar Hak Manusia: Proses di mana organisasi bukan sekadar menghormati undang-undang, bahkan untuk mengelak bahan pelanggaran hak manusia, menjalankan proses yang mengendalikan perkara demikian (ISO26000 6.3.3 Isu Berkaitan Hak Manusia 1).

*5 SCM: Pengurusan Rantai Bekalan Pengurusan/penyusunan secara optimum pengaliran satu siri daripada pengedaran bahan material, melalui produksi, penjualan dan pengedaran kepada pengguna terakhir.

Menambah baik struktur pengurusan sumber menerusi pemacuan anjakan modal, serta mengurangkan pembebasan gas CO₂

Sebagai langkah pencegahan pemanasan global, Kumpulan LINTEC memacu "anjakan modal"^{*1} iaitu beralih daripada membuat penghantaran barang menggunakan trak kepada keretapi dan kapal.

Di samping mengimbau usaha yang telah dilakukan pada masa lalu yang berdasarkan pendapat-pendapat pihak yang terlibat, kami juga memperkenalkan hasil daripada aktiviti.



Pengurus,
Unit pemprosesan
bahan dan kertas
Hiroshi Fujishima



Pengurus bahagian
pemacuan/pembaharuan
kos
Akio Shimonabe



Timbalan pengurus,
Unit pembaharuan kos
Yoshihiro Tobise



Timbalan pengurus,
Unit keselamatan
alam sekitar
Kazuhito Ishikura



Kapal RORO yang berlabuh di pelabuhan Chiba

Menukar sistem pengangkutan daripada menggunakan trak kepada kapal RORO^{*2} untuk membuat penghantaran barang bagi mengurangkan kos penghantaran dan pembebasan gas CO₂

Baru-baru ini, dalam anjakan modal ini, selain daripada memberi perhatian terhadap penyelesaian masalah pemanasan global, kami juga mengharapkan penambahbaikan dalam menyelesaikan pelbagai masalah sosial seperti kesesakan lalu lintas, bebanan kerja berlebihan dan kekurangan pemandu lori serta lain-lain. Dalam LINTEC sekarang, kami menggalakkan anjakan modal yang memberi tumpuan kepada logistik antara lokasi. Dorongan ini dicetuskan dari inisiatif bahagian perniagaan kertas. Encik Hiroshi Fujishima (bawah, Fujishima) yang berada di dalam bahagian yang sama mengimbau semula.

"Sekitar bulan April 2013, saya membangkitkan tentang isu anjakan modal buat kali pertama. Sebagai salah satu tema penting dalam mesyuarat pengukuhan asas bagi perusahaan kertas, kami telah membuat kajian untuk mencari alternatif pengangkutan menggantikan penggunaan trak tradisional untuk mengurangkan kos logistik. Kami mengambil kira perkara yang ada melibatkan anjakan modal walaupun sedikit, tidak kira laluan laut maupun darat. Selepas beberapa kajian tentang cara penghantaran barang, kami akhirnya memilih kapal RORO sebagai alat pengangkutan untuk menghantar barang" (Fujishima)

Selepas hampir separuh tahun iaitu pada bulan Oktober 2013, produk yang dihasilkan di kilang Mishima dihantar menggunakan

kapal RORO buat kali pertama yang bertolak dari pelabuhan Mishima Kawanoe. Selepas itu sebanyak 100t/bulan (180t/bulan mulai dari bulan Julai tahun 2015) telah dihantar ke gudang komersial dan kepada pelanggan di rantau Kanto dari pusat pelabuhan Chiba, dan pada September 2014, penghantaran produk (100t/bulan) dari kilang Kumagaya hingga ke Shikoku juga menggunakan kapal RORO.

"Semasa ingin mengubah sistem penghantaran menggunakan pengangkutan kapal RORO, terdapat pelbagai masalah yang berlaku, seperti rundingan syarikat, penghantaran dalaman, sistem penerimaan, dan sebagainya. Walaubagaimanapun, pada masa yang sama, ia berjaya mengurangkan jumlah pelepasan CO₂ semasa proses penghantaran, dan juga mengurangkan kos pengangkutan. Kami sedar bahawa dengan anjakan modal ini, ia telah memberi manfaat yang besar" (Fujishima)



Menetapkan pemuatkan barang dalam trak "gambar kiri" dan juga menetapkan trak di dalam kapal "gambar kanan" untuk mencegah runtuhnya bebanan

*1 Anjakan modal: Penghantaran barang kargo dan penumpang beralih kepada menggunakan pengangkutan kapal dan keretapi sebagai jalan pengangkutan muatan barang dan penumpang, ini merupakan usaha untuk mencapai pengurangan pelepasan gas CO₂.

*2 Kapal RORO: ia membawa maksud kapal Roll on dan Roll off. Trak yang sarat dengan muatan barang boleh bergerak terus ke dalam dan luar kapal.

Mengkaji data logistik setiap lokasi dan mengenalpasti laluan yang harus direalisasikan dalam anjakan modal

Orang yang telah memberi tumpuan dalam usaha ini adalah Akio Shimonabe (di bawah, Shimonabe) yang merupakan ketua dalam bahagian pamacuanpembaharuan kos.

"Dalam bahagian pamacuan pembaharuan kos, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan ke arah pengurangan kos pengangkutan. Namun, sejajar dengan kaedah penjimatan tenaga dan penurunan populasi pemandu trak di masa hadapan, kami ingin mengkaji semula asas keperluan kaedah logistik yang lebih baik. Ia merupakan gambaran pembaharuan struktur logistik seperti yang kami impikan dalam usaha perusahaan kertas" (Shimonabe)

Pada bulan April 2014, kami mendahului dalam cawangan Sapporo, dan sebahagian penghantaran produk beralih daripada penghantaran menggunakan trak kepada penghantaran menggunakan kapal RORO dari kilang Tatsuno ke Sapporo. Pada masa yang sama juga, kami mengumpul data logistik dari seluruh negara di setiap lokasi, dan menjalankan kajian berkenaan keadaan kos dan jarak pengangkutan. Logistik keseluruhan syarikat dapat diketahui dengan tepat, dan kami akan terus mengenalpasti laluan yang harus direalisasikan dalam anjakan modal.

"Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan berulang kali, kami membuat keputusan untuk beralih kepada anjakan modal berdasarkan laluan jarak pengangkutan yang melebihi 500km. jika melebihi 500km, ia menunjukkan anjakan modal yang efisyen, dan kami juga mendapati ia berkaitan dengan pengurangan pelepasan gas CO₂" (Shimonabe)

Memilih beralih kepada sistem pengangkutan menggunakan keretapi, sebagai respon kepada keadaan laluan pengangkutan

Dalam LINTEC, selain daripada menukar pengangkutan daripada menggunakan trak kepada penggunaan kapal RORO, kami juga telah menjalankan anjakan modal untuk beralih kepada pengangkutan kereta api. Pada bulan Jun 2015, kami beralih kepada pengangkutan kereta api yang merupakan sebahagian daripada laluan pengangkutan cawangan Sapporo untuk mengangkut produk dari subkontraktor wilayah Shizuoka. Orang yang bertanggungjawab dalam bidang pembaharuan kos ini ialah Yoshihiro Tobise (Bawah, Tobise).

"Penggunaan kapal RORO dapat mengurangkan kadar trafik, dan juga, terdapat hubungan dengan laluan, maka kami memilih pengangkutan keretapi. Pendek kata, dalam anjakan modal terdapat banyak jenis cara pengangkutan, jadi adalah penting untuk memilih cara yang sesuai berdasarkan laluan pengangkutan dan keadaan" (Tobise)

Sebagai kesinambungan daripada Shizuoka - Sapporo, pada bulan Mei 2016, kami menukar pengangkutan keretapi untuk sebahagian pelaksanaan kerja dan penghantaran produk dari kilang Tatsuno wilayah Hyogo ke kilang TOKYO LINTEC KAKO, INC., Saitama Tokyo. Dalam pengangkutan ini, kami melakukan perundingan dengan syarikat kereta api tersebut, dan kami menggunakan kontena keretaapi yang boleh memuatkan 13 tan kapasiti muatan yang bersamaan dengan trak bersaiz besar. (jumlah dalaman 48m³)

"Anjakan modal telah dipacu di seluruh Jepun. Sebagai

sebahagian daripada langkah anjakan modal, penggunaan kontena keretapi dalam perusahaan keretapi telah diperaktikkan pada kali ini selaras dengan keperluan kita" (Tobise)



Penambahbaikan kecekapan pengangkutan berdasarkan pengangkutan dengan menggunakan kontena keretapi yang berkeluasan dalaman sama seperti trak bersaiz besar


Menjalankan anjakan modal dalam keseluruhan syarikat ke arah penubuhan struktur logistik yang berimpak rendah terhadap alam sekitar

Kazuhito Ishikura (bawah, Ishikura) dari bahagian keselamatan alam sekitar menerangkan tentang anjakan modal yang efisien dari sudut pandangan sebagai "aplikasi alam sekitar".

"Dalam bahagian keselamatan alam sekitar, kami menggalakkan aktiviti alam sekitar di dalam kilang namun, demi meningkatkan kesan pengurangan gas CO₂ dalam proses penghasilan produk, kebanyakan keadaan memerlukan pelaburan seperti dalam penambahbaikan peralatan. Anjakan modal merupakan satu cara untuk mengurangkan kedua-dua masalah iaitu aktiviti penghasilan CO₂ dan kos pengangkutan, dan kami percaya bahawa ia adalah efisien sebagai aktiviti alam sekitar yang berlaku dalam syarikat. Selain itu, aktiviti pengurangan penghasilan CO₂ memainkan peranan penting dalam mendefinisikan pengertian rantaian bekalan yang diakui oleh masyarakat" (Ishikura)

Dicetuskan oleh bahagian perniagaan kertas, anjakan modal sedang mengembangkan inisiatif keseluruhan syarikat dalam bahagian pamacuanpembaharuan kos. Pada masa akan datang, pengangkutan kereta api dan kapal akan diguna pakai di setiap laluan pengangkutan dan kami merancang untuk membina struktur logistik yang memberi kesan rendah kepada alam sekitar.

Kesan pengurangan gas CO₂ berdasarkan anjakan modal



Nota) graf perbandingan sebanyak 100 nilai kira-kira penghantaran menggunakan trak berkenaan bahagian anjakan modal yang dijalankan

Bahagian pelaksanaan anjakan modal yang utama

- Penghantaran dengan kapal RORO
- Penghantaran dengan keretapi
- Penghantaran dengan trak



★Petunjuk prestasi tanda paparan yang mendapat pengesahan daripada pihak ketiga syarikat SGS Jepun. Hasil daripada pengesahan, tiada perkara yang penting yang perlu diperbetulkan.

Untuk merealisasikan “CSR proaktif” yang menghubungkan hasil ciptaan nilai syarikat

Pada tahun 2015, Kumpulan LINTEC telah memberi respon kepada permintaan dari pemegang kepentingan. Demi peningkatan secara berterusan dengan masyarakat, kami memulakan model perniagaan baru dan merealisasikan penciptaan mekanisme yang menghubungkan penyelesaian isu sosial “bengkel CSR”.



Semangat “kreativiti” yang menyokong pertumbuhan secara berterusan

Dalam Kumpulan LINTEC, salah satu tema penting dalam Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan “LIP-2016” ialah “penciptaan produk baru yang inovatif”, yang memberi nilai kualiti baru dalam masyarakat, dan kami menyasarkan perkembangannya secara berterusan. Untuk mencapai matlamat ini, kami percaya bahawa amalan “CSR proaktif” adalah penting untuk bertindak balas kepada perubahan masyarakat dan keinginan pemegang kepentingan.

Kumpulan LINTEC melaksanakan aktiviti perniagaan berteraskan motto syarikat “keikhlasan dan kreativiti”, sama seperti di dalam CSR. Asas aktiviti perniagaan iaitu “CSR perlindungan” adalah semangat keikhlasan, manakala “CSR proaktif” seperti pembuatan produk yang inovatif, telah menjadi sumber inspirasi semangat “kreativiti”. Dalam “Bengkel CSR” setiap pekerja menunjukkan semangat “kreativiti”, dan ia memberi tumpuan kepada pekerja muda dan golongan sederhana yang memulakan langkah menjadi sebuah syarikat pengeluaran yang bernilai.

Amalan “CSR proaktif” bagi setiap pekerja

Dalam “bengkel CSR” yang diadakan pada awal tahun 2015, semua pekerja seluruh organisasi dalam pelbagai jabatan yang berjumlah 36 orang termasuk pekerja golongan muda dan

pertengahan telah mengambil bahagian dalam bengkel tersebut. Bengkel ini telah diadakan sebanyak 5 kali dalam jangka masa setengah tahun. Dalam bengkel ini, peserta mempelajari tentang kaedah dan intipati CSR, ini bertujuan agar setiap pekerja dapat mengamalkan “CSR proaktif”. 36 orang dibahagikan kepada 6 kumpulan, pada setiap kali sesi perbincangan, mereka akan membincangkan tentang isu penciptaan mekanisme dan model perniagaan baru Kumpulan LINTEC. Selain itu, seminar turut diadakan dengan menjemput penceramah luar yang menjadi picu untuk mendapatkan pengetahuan dan kesedaran baru.

Mencipta nilai baru sebagai Kumpulan LINTEC

Pada kali pertama “memikirkan perkaitan antara isu kemasyarakatan dan perniagaan”, berdasarkan arah aliran kemasyarakatan terkini seperti Bangsa-Bangsa Bersatu SDGs^{*1}, kami memisahkan isu kemasyarakatan yang berkaitan dengan Kumpulan LINTEC, dan pada kali kedua, perbincangan pendapat mengenai apa itu “kekuatan dan kelemahan syarikat” dari pelbagai perspektif yang berbeza oleh jabatan. Pada kali ketiga, berdasarkan kekuatan serta kelemahan dan isu kemasyarakatan yang dibincangkan, kami memikirkan pelan strategik^{*2} “wawasan 2030”, di mana setiap kumpulan perlu bergerak mulai sekarang. Pada kali keempat, kami membuat pengumuman awal kepada setiap kumpulan, agar mereka dapat berbincang secara aktif dengan memberikan pendapat dan luahan kepada

*1 SDGs: Pada September 2015, ia telah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang terdiri daripada 169 matlamat dan 17 sasaran, “matlamat pembangunan mampan (Sustainable Development Goals)”

*2 Pelan strategik: Dalam memikirkan masa depan, membuat andaian keadaan dan situasi untuk mencapai matlamat, dan dari andaian tersebut kembali kepada masa sekarang, dan berfikir tentang apa yang perlu dilakukan sekarang.



pasukan-pasukan lain, serta membuat penambahbaikan dan memperbaiki isi kandungan. Pada kali terakhir, setiap enam kumpulan membentangkan model perniagaan untuk menyelesaikan isu kemasyarakatan. Setiap kumpulan membuat perbincangan selama setengah tahun, kandungan hasil perbincangan idea, terdapat juga "keunikan" dan "kemungkinan" dalam LINTEC WAY, dan ia muncul berdasarkan langkah demi masa depan konkret.

Setiap amalan CSR

Fasa pertama "bengkel CSR" telah menutup tirai. Pelbagai respon diperolehi dari para peserta seperti "bengkel ini memberi kesedaran tentang penglibatan CSR dan perniagaan", "inovasi lahir dari komunikasi pelbagai manusia", dan "setiap pekerja harus mempunyai sikap menuju pelbagai cabaran CSR proaktif". Setiap bengkel mempunyai kandungan yang sangat penting, peserta boleh mengetahui sifat CSR, dan pada masa yang sama ini adalah peluang kepada mereka untuk membawa amalan ini di setiap tempat kerja.

Kami akan meneruskan usaha agar setiap orang pekerja boleh mengamalkan "CSR proaktif" dalam semangat "kreativiti" melalui bengkel pada masa akan datang.

Suara peserta

- Melalui bengkel ini, pada setiap hari kami berbincang dengan rakan dari jabatan lain, sama-sama berfikir, ini merupakan pertama kali dari mula bekerja pencapaian yang dibuat dari awal. Saya berasa gembira kerana dapat menyertai bengkel ini, dan ini memberi kesedaran untuk meluaskan pandangan secara peribadinya.
- Tanpa mengira skala perniagaan, kami menyedari kami boleh menukar syarikat dan masyarakat. Ia juga telah menghubungkan motivasi dengan kerja hari-hari.
- Isi kandungan yang sangat rumit tetapi, melalui penyelesaian masalah tersebut, kami mengiktiraf sekali lagi kepentingan CSR. Setiap tema yang tersusun merupakan masa yang sangat berharga.
- Kami telah berpeluang belajar tentang perniagaan. Khususnya, semasa sesi pertukaran pendapat dengan pekerja dari jabatan lain, dan saya menyedari ini menjadi sesuatu yang berharga untuk saya pada masa depan.
- Terutamanya, pelan strategik yang meninggalkan kesan, kami bercadang ingin menggabungkan dan menggunakan ia dalam perniagaan bermula dari sekarang.

Kegiatan-kegiatan CSR

Benar terhadap keunggulan moto syarikat ini, "Keikhlasan dan Kreativiti", Kumpulan LINTEC berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan semua usaha korporat dihormati sepenuhnya. Di bawah ini adalah laporan mengenai usaha-usaha Kumpulan LINTEC dan mengenai sistem-sistem yang membolehkan idea tersebut diperlakukan dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.

Pentadbiran korporat


Kumpulan LINTEC menjalankan pematuhan menyeluruh, meningkatkan kesedaran etika korporat dan ketelusan pengurusan, ia bertujuan agar pekerja dapat membuat keputusan dengan cepat dan pelaksanaan perniagaan yang efektif, dan kami percaya ia adalah atas tadbir urus korporat. Melalui penambahbaikan dan pengukuhan, kami mensasarkan untuk meningkatkan lagi nilai korporat dan kepentingan bersama pemegang saham Kumpulan LINTEC.

Struktur Pentadbiran Korporat

Dalam LINTEC, kami telah memilih Syarikat Institut Jawatankuasa Audit^{*1} sebagai reka bentuk organisasi^{*2}, dan melantik Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli Lembaga Pengarah Jawatankuasa Audit yang berhak mengundi, serta mengukuhkan fungsi penyeliaan lembaga pengarah, dalam usaha mempertingkatkan tadbir urus korporat dan seterusnya berusaha untuk mempercepatkan pengurusan.

Terdapat 4 orang pengarah luar syarikat, dan 3 orang daripadanya telah menjadi pengarah jawatankuasa audit. Sebagai inisiatif khusus dalam pengurusan lain, mereka memegang jawatan ini untuk tempoh satu tahun, di samping mempunyai tanggungjawab untuk menjelaskan berkenaan Lembaga Pengarah kepada semua pemegang saham, dan berdasarkan pengenalan Sistem Pegawai Eksekutif, mereka membuat keputusan penting dalam pengurusan, dan perlu memisahkan ia dengan pegawai eksekutif untuk pelaksanaan perniagaan.

Struktur Pentadbiran Korporat



Mengenai pembinaan BCMS^{*3} seluruh syarikat

Dalam LINTEC dan TOKYO LINTEC KAKO, INC., semasa ditimpa pelbagai bencana termasuk gempa bumi, nyawa pekerja dilindungi, dan kami juga meneruskan perniagaan pada peringkat awal untuk meneruskan bekalan produk, serta berusaha untuk pembangunan BCP^{*4}. Pada Mac 2014, kami menerima pensijilan piawaian antarabangsa BCMS "ISO22301:2012"^{*5}. Pada tahun 2015, kami menambah syarikat baru LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC., untuk menembusi BCMS, dan kita sedang berusaha untuk meningkatkan keaktifan serta mempercukupkan aktiviti.

Suara
01

Tindakan segera berdasarkan BCMS

LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC. memulakan operasi dalam BCMS dari bulan Februari 2015, dan hampir setahun selepas penubuhannya, pada Februari 2016, ia telah didaftarkan melalui kaji selidik pengembangan. Kemudian, semasa gempa bumi yang berlaku di selatan Taiwan pada 6 Februari 2016, laporan status kerusakan telah dapat dijalankan dengan cepat melalui pengesahan keselamatan dan LSP (LINTEC Standard Package)^{*6}, dan ini memberi peluang kepada kami untuk melihat dengan sebenar-benarnya keputusan aktiviti syarikat. Pada masa akan datang kami akan terus komited untuk melaksanakan aktiviti BCMS keseluruhan syarikat.

Cheng Wen-chieh, Bahagian kejuruteraan keselamatan dan pentadbiran, LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.



*1 Syarikat Institut Jawatankuasa Audit: Syarikat awam di mana Jawatankuasa Audit yang terdiri daripada lebih daripada 3 orang eksekutif (majoriti eksekutif dari luar syarikat) yang dilantik sebagai ahli jawatankuasa audit melaksanakan audit/penyeliaan terhadap perlaksanaan tugas oleh para eksekutif.

*2 Reka bentuk organisasi: Menentukan struktur "organisasi" (mesyuarat agung pemegang

saham, lembaga pengarah, dan lain-lain) yang menetapkan keputusan dan tujuan serta menjalankan pengurusan syarikat korporat untuk.

*3 BCMS: Singkatan untuk Business Continuity Management System. Untuk "meneruskan perniagaan" semasa berlaku kejadian yang memberi kesan besar kepada perkhidmatan atau produk penting syarikat, kami memahami keadaan semasa organisasi dan

Bertujuan untuk membina “BCMS berfikir dan bertindak sendiri”

Membina BCMS^{*3} dalam seluruh syarikat, memperoleh ISO22301^{*5} dan telah berlalu selama 2 tahun sejak Mac 2014, BCMS LINTEC bersedia untuk berevolusi selanjutnya. Semua pekerja bekerja bersatu memperkenalkan aktiviti-aktiviti ke arah membina “BCMS berfikir dan bertindak sendiri”.

Semua pekerja ialah orang utama BCMS

Semasa berlaku bencana, untuk melindungi nyawa, demi melaksanakan aktiviti pemulihan dan langkah-langkah kecemasan untuk meneruskan perniagaan, tindakan yang tepat dan cepat oleh setiap pekerja adalah perlu. Dalam Kumpulan LINTEC, semua pekerja diletakkan sebagai orang utama BCMS untuk membina “BCMS berfikir dan bertindak sendiri”. Secara jelas, semua pekerja akan menjalani latihan BCMS dalam pengajian BCMS dan lokasi yang bertujuan untuk penerapan BCMS dalam kalangan pekerja. Di samping itu, kami menjalankan audit dalaman antara satu sama lain, melaksanakan majlis BCMS dalam persekitaran terbuka, serta membina persekitaran yang membolehkan semua pekerja mengambil bahagian dalam pembinaan BCMS proaktif. Satu demi satu dasar yang berdasarkan pendapat pekerja seperti menyediakan manual pencegahan bencana, penyediaan simpanan stok untuk wanita dan sebagainya telah dicetuskan. Pada masa akan datang, di samping mempertimbangkan keadaan di lokasi luar negara, sambil mendorong pembinaan “BCMS yang berfikir dan bertindak sendiri”, kami akan terus menggalakkan penggubalan peraturan yang bersesuaian dengan seluruh syarikat dan BCP seperti membuat pengesahan sebanyak dua kali.

Pembelajaran BCMS dalam seluruh syarikat

Kami mengadakan sesi pembelajaran bagi semua kakitangan untuk mempelajari pengetahuan asas BCMS di ibu pejabat sebanyak beberapa kali dalam setahun. Sesi pengajian ini, diterbitkan di semua lokasi melalui sistem persidangan TV.



Kesedaran dan komitmen pekerja tentang BCMS

dalam “kepimpinan BCMS”, jawapan pekerja ialah “semua orang yang bekerja dalam Kumpulan LINTEC”



96%

- Kesedaran daripada setiap pekerja adalah penting. Saya juga akan mula mempunyai kesedaran.

- Kami ingin meneruskannya kerana ia memberi kesan bukan sahaja kepada pekerja malah kepada keluarga mereka.

- BCMS turut mendapat sokongan pelanggan dan dianggap sebagai satu kemestian bagi memenuhi tanggungjawab sosial korporat.

- Agar tidak menjadi spekulasi kosong, kami akan melaksanakan aktiviti secara realiti.

*Berdasarkan soal selidik dalaman (pelaksanaan Mac 2015 / jumlah responden 1863 orang)

Latihan BCMS

Pekerja merancang sendiri kandungan latihan bagi setiap lokasi, dan menjalankan latihan selaras dengan ciri-ciri dan kandungan perniagaan di setiap lokasi. Kandungan latihan bagi setiap lokasi ini dikongsikan dalam seluruh syarikat melalui intranet korporat.

Jumlah pelaksanaan pada tahun 2014 dan 2015

31 lokasi dan 426 kali



Audit dalaman

Status operasi BCMS bagi setiap lokasi akan disemak oleh audit dalaman. Kira-kira separuh daripada audit dalaman yang dijalankan di antara lokasi adalah dijalankan dalam “pengauditan bersama”, untuk mengetahui usaha-usaha di lokasi lain, dan ini merupakan satu peluang untuk saling memperbaiki.

Majlis BCMS

Pendapat dan cadangan penambahbaikan oleh pekerja telah dibuat dalam majlis BCMS, yang mencerminkan usaha seluruh syarikat. Sesi majlis ini telah disiarkan di setiap lokasi dalam sistem persidangan TV, dan telah dijalankan dalam suasana terbuka yang boleh dilihat oleh semua pekerja.

Pendidikan luar

Bengkel ini telah diadakan sekali setahun oleh tenaga pengajar luar yang mempunyai pengetahuan khusus dalam BCMS, yang telah disertai kakitangan dari setiap lokasi. Pengetahuan yang diperoleh dalam sesi ini telah dibiarkan aktif dalam latihan di setiap lokasi.



merumuskan pelan kesinambungan perniagaan, dan melaksanakan penilaian efisien pelan berdasarkan latihan, serta teknik pengurusan untuk mengendalikan sistem.

*4 BCP: Singkatan kepada Business Continuity Plan. Jika syarikat menghadapi keadaan kecemasan seperti kemalangan atau bencana, untuk mengurangkan kerosakan, kami merumuskan pelan tindakan lebih awal untuk membolehkan penerusan atau pemuliharaan awal.

*5 ISO22301: Dalam kejadian seperti gempa bumi dan kebakaran, kegagalan sistem IT dan krisis kewangan, kebangkrutan pelanggan, wabak, bencana atau kemalangan, sebagai persediaannya, merancang langkah penyelesaian syarikat dan organisasi, serta melaksanakan piawaian antarabangsa BCMS yang efektif dan berkesan.

*6 LSP: Rangkaian korporat boleh didapati di syarikat kumpulan dalam dan luar negara.

Kegiatan-kegiatan CSR

Menghormati hak asasi dan kepelbagaian manusia

Di Kumpulan LINTEC, semua pekerja bertindak di bawah moto syarikat 'Keikhlasan dan Kreativiti'. Demi memastikan setiap pekerja dapat bekerja dengan bermakna dan adil, kami tidak melakukan diskriminasi berdasarkan kaum, kenegaraan, jantina, agama, kepercayaan, umur dan lain-lain bagi menghormati kepelbagaian setiap individu^{*1}. Selain itu, Kumpulan LINTEC menyertai 'UN Global Compact' yang melarang buruh paksa dan buruh kanak-kanak. Kami berharap untuk terus berkembang dengan setiap pekerja mengiktiraf satu sama lain.

Status pengambilan pekerja

■ Nisbah pekerja yang diambil di luar Jepun



Nisbah pekerja tempatan dan luar*

94%

* Skop: Semua syarikat kumpulandi luar Jepun
(Pada 31hb Disember 2015)

* Pekerja Jepun yang diambil bekerja di tempat sendiri termasuk dalam jumlah pekerja tempatan

* Pekerja-pekerja Jepun menunjukkan pekerja-pekerja yang dipindahkan dari Jepun

■ Jumlah pekerja mengikut jantina



LINTEC CORPORATION

Keseluruhan Kumpulan LINTEC



(Luar negara: 31/12/2015 Dalam negara: 31/3/2016)

Suara
02

Kelas CSR di Taiwan

Kami mengadakan pembentangan tentang "pembuatan persekitaran tempat kerja yang memudahkan kerja" pada Januari 2016 dan mendapat kepercayaan dari pelanggan. Dalam pembuatan persekitaran tempat kerja yang memudahkan kerja, nilai-nilai Kumpulan LINTEC perlu dikongsi dengan semua kakitangan, dan tingkah laku mereka perlu selaras dengan aktiviti CSR. Kami membincangkan tentang aktiviti promosi kesihatan dan keselamatan persekitaran bagi pekerja pelanggan dan pembekal, persekitaran tempat kerja dapat melegakan tekanan dan CSR Kumpulan LINTEC, dan meningkatkan komunikasi dalam kalangan pekerja.

Lu Hsiao-Wei, Jabatan perhubungan awam, LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC.



Suara
03

Melaungkan 4 prinsip keselamatan LINTEC agar tiada kejadian bencana selama 2 tahun berturut-turut

Pada setiap pagi semua pekerja akan melaungkan "4 prinsip keselamatan LINTEC^{*2}" untuk meneliti 55^{*3}. Saya sendiri telah membuat rondaan keselamatan setiap hari sebagai pentadbir keselamatan. Selain itu pekerja mendapat latihan keselamatan institusi awam, untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan semasa bekerja dalam keseluruhan kilang dalam jawatankuasa kesihatan dan keselamatan semasa syif. Berkat usaha-usaha ini, kita telah dianugerahkan anugerah bebas kemalangan selama 2 tahun berturut-turut dari biro buruh tempatan. Seterusnya kami ingin mencapai 100 juta jam bebas kemalangan.

Zeeroh Madsa-i, Ketua yang bertanggungjawab dalam bahagian keselamatan, LINTEC (THAILAND) CO., LTD.



*1 Menghormati perbezaan: Dengan menghormati perbezaan antara kita sesama manusia atau antara kumpulan, orang yang layak berada di tempat yang sewajarnya boleh menunjukkan kebolehan seseorang itu, masalah boleh diselesaikan dari pelbagai sudut dan dapat menggalakkan penghasilan idea yang unik.

*2 4 prinsip keselamatan LINTEC: 1. Tunjuk dan sebut 2. Tidak menghulurkan tangan ke arah mesin berputar 3. Isyarat sewaktu kerjasma 4. Memberhentikan mesin jika berlaku perkara abnormal.

*3 5S: 5 Slogan yang bermula dengan huruf S iaitu Seiri (kemas), Seiton (susun), Seiso

Komunikasi pekerja

LINTEC (THAILAND) CO., LTD. telah mengadakan hari sukan pada Disember 2015. Pekerja telah dibahagikan kepada 4 kumpulan, dan mereka menyertai sebanyak 10 jenis pertandingan termasuk bola sepak, sepak takraw, badminton, hulahoop, lari berganti dan sebagainya. Setiap pertandingan adalah sangat meriah, dan acara ini telah mengeratkan hubungan pekerja dalam jabatan lain. Para peserta memberikan komen seperti "kami berasa seronok bekerja ke arah matlamat yang sama" dan "sekarang kami dapat meningkatkan kepercayaan dan hubungan dengan rakan-rakan di tempat kerja lebih lancar".



Hari sukan yang membawa kepada peningkatan motivasi pekerja

Dasar Kualiti, Alam Sekitar, dan Kesinambungan Kumpulan LINTEC

Lintec Kumpulan telah menetapkan "dasar kualiti, alam sekitar dan kesinambungan Kumpulan LINTEC". Dasar ini merupakan tambahan kepada garis panduan mengenai kualiti dan alam sekitar, garis panduan mengenai kesinambungan perniagaan sebagai persediaan untuk kejadian bencana alam dan pandemik^{*4}. Ia telah menjadi kandungan yang memenuhi tanggungjawab sosial dari pelbagai aspek. Di samping itu, dalam bidang alam sekitar kami telah menetapkan sasaran jangka sederhana seperti jumlah pelepasan CO₂, dan penggunaan kuasa.

"Kinath Series KP5000" menerima anugerah global

Pada September 2015, "Kinath Series KP5000" (label utama botol PET) telah dianugerahkan Anugerah Global Industri Label dalam sektor pembangunan mapan di pameran label yang terbesar di dunia iaitu "LABELEXPO EUROPE 2015", yang telah diadakan di Belgium. Penganugerahan ini merupakan yang pertama kepada syarikat Jepun. Produk utama kami merupakan hasil kitar semula botol PET yang telah habis dipakai, yang mengandungi 80% atau lebih resin subrat melalui kitar semula PET mekanikal^{*5},

sekaligus menggalakkan kitar semula bahan dan menyumbang kepada pengurangan penggunaan sumber minyak. Dengan menjadikan anugerah kali ini sebagai galakan, kami akan terus berusaha untuk membangunkan produk yang menyumbang kepada masyarakat pada masa hadapan.



Suara
04

Menggalakkan pengurangan sisa buangan dan aktiviti kitar semula

MADICO, INC. menjalankan aktiviti kitar semula dan pengurangan sisa buangan sebagai aktiviti perlindungan alam sekitar. Salah satu contoh aktiviti ialah penambahbaikan yang telah dibuat di dalam proses pembuatan peralatan sedia ada yang dijalankan, dan ini menyebabkan penggunaan bahan pelarut berjaya dikurangkan. Kami akan terus menggalakkan aktiviti pengurangan bahan pelarut/kitar semula sisa.



Sharon Bolling, Jabatan kesihatan dan keselamatan pekerja, MADICO, INC.

Suara
05

Ke arah mengurangkan kesan ke atas alam sekitar dengan membangunkan persekitaran kerja

LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD. mengumpulkan teras ABS untuk penggulungan produk, dan menjalankan usaha penggunaan semula bahan sekunder seperti penggunaan semula bahan yang dicuci bersih. Selain itu, kami memperkenalkan mesin basuh automatik jenis tertutup, dan di samping mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, kami sedang berusaha untuk mengurangkan jumlah pelarut dan jumlah sisa yang digunakan.



James Rigas, bahagian peralatan, LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.

(bersih), Seiketsu (rapi) dan Shitsuke (disiplin). Ia digunakan untuk penyelenggaraan dan pemberian persekitaran kerja.

Tentang tanda ★, rujuk P09.

*4 Pandemik: Penyakit berjangkit tersebar secara global.

*5 Kitar semula PET mekanikal: Dengan menggunakan semula botol PET yang dikumpulkan, teknik kitar semula ini menghasilkan resin PET yang berkualiti tinggi dan bersih.

Aktiviti pemeliharaan alam sekitar oleh 12 Syarikat Kumpulan di luar negara


Bagi memenuhi tanggungjawab sebagai sebuah syarikat global, di samping memperoleh pengiktirafan integrasi global^{*1} ISO14001, kami menggalakkan aktiviti pemuliharaan alam sekitar dalam syarikat kumpulan di luar negara di seluruh dunia.

Data Prestasi Alam Sekitar


Data prestasi alam sekitar bagi 12 syarikat di luar negara adalah seperti berikut.

 Tahun 2015 (tempoh kiraan: 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015)  Tahun 2014 (tempoh kiraan: 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014)


Pengeluaran VOC



Jumlah penggunaan elektrik



Jumlah penggunaan bahan api (diesel/gas asli) (unit: Crude Oil Equivalent, COE)



MADICO, INC. telah memperoleh kilang St. Petersburg pada Januari 2013 hasil daripada penggabungan, dan telah melengkapkan pensijilan bersepada ISO14001 pada Januari 2015. Untuk menggabungkan data kilang yang sama sejak dari tahun 2015, jumlah pelepasan dan penggunaan telah meningkat. PT. LINTEC INDONESIA pula mengurangkan setiap jumlah penggunaan dan pelepasan untuk mengurangkan jumlah pengeluaran.

- Peringatan) 1. VOC (sebatian organik mudah meruap) termasuklah toluene, methyl ethyl ketone.
2. Nilai haba yang terhasil bagi setiap bahan api dalam pengiraan jumlah penggunaan bahan api (COE) adalah menggunakan nilai yang telah ditetapkan dalam perkara 4 Undang-undang Penguatkuasaan Penjimat Tenaga.
3. LSFT: LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC. LATT: LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC. LSKF: LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Lokasi: Daerah Suzhou Baharu, Jiangsu, China Jumlah pekerja: 219 pekerja
Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak, bahan pengeluaran dan kertas dan bahan pemproses kertas

Kami telah menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan dan peningkatan kesedaran tentang biodiversiti pada Jun 2015.



Sesi pembelajaran tentang biodiversiti di bahagian pengurusan kualiti

Zhang Xudong
Jabatan Kejuruteraan



LINTEC (TIANJIN) INDUSTRY CO., LTD.

Lokasi: Daerah Nankai, Tianjin, China Jumlah pekerja: 89 pekerja
Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Untuk menilai tahap kesedaran CSR di kalangan kakitangan, satu ujian CSR untuk semua kakitangan dijalankan dengan menggunakan "Laporan CSR Kumpulan LINTEC 2015" sebagai sumber rujukan. Di samping itu, kami sedang berusaha meningkatkan tahap kesedaran memulihara alam sekitar seperti membina pulih pusat penyimpanan sisa bahan dan besi buruk yang telah digunakan sejak masa lalu.



Menarik tempat pembuang sisa dan memperbaharui paparan

Jia Jun
Ibu Pejabat Hal Ehwal Am dan Sumber Manusia



LINTEC PRINTING & TECHNOLOGY (TIANJIN) CORPORATION

Lokasi: Kawasan Pembangunan Ekonomi dan Teknologi Kebangsaan, Daerah Xiqing, Tianjin, China
Jumlah pekerja: 92 pekerja
Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Menuju ke arah pengurangan sisa dan pengukuran penjimatan kuasa, kami memperkenalkan peralatan membuat plat baru pada



Memperkenalkan peralatan pembuat plat yang baru

bulan April 2015, yang mempunyai kesan pengurangan sisa sebanyak 100l/bulan dan pengurangan elektrik sebanyak 200kWh/bulan. Di samping itu, kami menggerakkan pelbagai inisiatif untuk merealisasikan persekitaran kerja yang memudahkan kerja setiap pekerja.

Zhang Kun
Bahagian jaminan kualiti



LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

Lokasi: Shanhua, Tainan, Taiwan Jumlah pekerja: 94 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada bulan Jun 2015, seramai 93 orang telah menyertai Hari Keluarga yang diadakan di Taman Budaya dan kilang gula di Houbi Township Tainan. Kami mendapat penerangan tentang flora dan fauna di sekitar tempat tersebut dan sejarah kilang gula daripada pegawai informasi. Dan ini merupakan peluang yang baik untuk belajar tentang kepentingan biodiversiti.



Sesi hari keluarga pekerja syarikat

Tsai Ching-Shyang
Bahagian pentadbiran



*1 Pengiktirafan integrasi global ISO14001: Pengiktirafan ISO14001 dengan penggabungan beberapa kawasan perniagaan di seluruh dunia sebagai sebuah organisasi tunggal.

* Jumlah pekerja adalah pada tarikh 31/12/2015.

LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC.

Lokasi: Kaohsiung, Taiwan Jumlah pekerja: 73 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Untuk mempertingkatkan pengurusan dan penyelenggaraan industri serta penjimatatan tenaga elektrik, pada tahun 2015, kemudahan rawatan air sisa telah ditambah, dan kami telah berliah kepada penggunaan lampu LED.

Selain itu, dengan memperkenalkan sistem pemantauan elektrik dan kumbahan secara automatik, kami telah mewujudkan satu sistem pelaksanaan yang lebih cekap untuk perlindungan alam sekitar. Kami akan terus mengukuhkan aktiviti pemuliharaan alam sekitar dan sistem pengurusan pada masa hadapan.



Peralihan ke lampu LED

Jiang Dewei
Jabatan Pengurusan
Bahagian Kejuruteraan



LINTEC KOREA, INC.

Lokasi: Cheongwon, Chungcheon, Korea Jumlah pekerja: 72 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Kami menambah baik sistem pemanas dan prasarana pembuatan, dan berusaha untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan bahan api. Hasilnya, pada setiap tahun,

kira-kira 236,000kWh elektrik, 249,000m³ gas berjaya dikurangkan dan ia membawa kepada pengurangan pelepasan gas CO₂ sebanyak kira-kira 587t/tahun.



Pengurusan operasi enam buah pemanas dalam kombinasi optimum

Kim Jung In
Bahagian Kejuruteraan



LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

Lokasi: Pyeongtek, Geonggi, Korea Jumlah pekerja: 127 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada Ogos 2015, disebabkan perubahan batu bata refraktori pada relau bahagian dalam kemudahan pembakaran VOC (volatile sebatian organik), kami mengoptimumkan tekanan relau untuk meningkatkan kecekapan pembakaran. Dari Ogos 2015 hingga bulan Disember, penggunaan purata bulanan LNG berjaya dikurangkan dari 35,000m³ ke 5,100m³, di mana terdapat kesan penjimatatan tenaga sebanyak 85%.

Ini telah menjadikan pengurangan sebanyak kira-kira 35% berbanding rekod prestasi pada tahun sebelumnya.



Peralatan pembakaran haba VOC

Lee Young Ho
Jabatan Teknologi Mesin



PT. LINTEC INDONESIA

Lokasi: Bogor, Jawa Barat, Indonesia Jumlah pekerja: 112 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada bulan Mei 2015, kami menjalankan aktiviti pemotongan di kawasan tapak kilang, yang merupakan peluang untuk mengerakkan silaturahim dan kerjasama

antara pekerja. Kami juga akan terus melaksanakan pelbagai aktiviti pemuliharaan alam sekitar pada masa hadapan.



Aktiviti pemotongan

Shanti
Jabatan jaminan kualiti



LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

Lokasi: Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia Jumlah pekerja: 92 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada bulan April 2015, kami menjalankan aktiviti penanaman bakau di kawasan pantai selatan Pulau Pinang (Semenanjung Malaysia) untuk pemuliharaan biodiversiti. Kira-kira 30 pekerja mengambil bahagian secara sukarela dalam aktiviti ini. Pokok bakau yang kami tanam bertumbuh dengan subur, dan kami berharap untuk terus menyumbang kepada pemuliharaan biodiversiti.



Pekerja yang mengambil bahagian dalam aktiviti menanam pokok

Yeoh Gaik Leng
Bahagian Pengurusan Pengeluaran



LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.

Lokasi: Kuching, Sarawak, Malaysia Jumlah pekerja: 24 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada September 2015, bagi tujuan pemuliharaan hutan dan biodiversiti, semua kakitangan telah mengambil bahagian dalam aktiviti penanaman pokok di Taman Negara Bako.

Kami turut menerima penerangan mengenai sejarah dan aktiviti masyarakat setempat, dan sekali lagi mengiktiraf kepentingan alam semula jadi.



Pekerja yang mengambil bahagian dalam aktiviti menanam pokok

Michael Benji
Bahagian Hal Ehwal Pekerja



LINTEC SINGAPORE PRIVATE LIMITED

Lokasi: Cyberhub, Singapura Jumlah pekerja: 90 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran juga produk elektronik dan fiber optik

Seperi tahun lepas, kami membuat aktiviti kutipan derma untuk membiayai "Tabung City Garden" bagi operasi Taman Negara. Di samping itu, pada bulan November 2015 kami telah mengambil bahagian dalam acara menanam pokok hasil dari kutipan wang dan sebanyak 16 batang pokok telah berjaya ditanam di taman negara.



Pekerja dan keluarga mereka yang mengambil bahagian dalam acara menanam pokok

Sng Seng Leng
Jabatan QA/QC



MADICO, INC.

Lokasi: Woburn, Massachusetts, Amerika Jumlah pekerja: 215 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Dalam Kilang Woburn MADICO, INC., kami melaksanakan aktiviti pengurangan tenaga seperti membuat penukaran kepada penggunaan lampu LED dan pemasangan panel solar. Hasilnya, kadar penggunaan kuasa elektrik pada tahun 2015 telah bertambah baik sebanyak 13% berbanding tahun sebelumnya.



Panel solar menyumbang kepada penambahbaikan kadar penggunaan kuasa elektrik

Paul Malburg
Jabatan Kejuruteraan



* Jumlah pekerja adalah pada tarikh 31/12/2015.

Pendapat Pihak Ketiga

Hiroyuki Tada

Japan for Sustainability



Ketua Pengarah NPO, Japan for Sustainability, profesor pelawat di Universiti Hosei, profesor di Sekolah Siswazah Pengajian Alam Sekitar di Universiti Tohoku, dan ahli jawatankuasa dalam pelbagai agensi kerajaan.

Saya mempunyai keraguan pada apa yang dipanggil sebagai "CSR gaya Jepun". Ini adalah kerana terdapat terlalu banyak perkara yang perlu dipatuhi seperti polisi pematuhan, format senarai semak dan lain-lain, peranan asal CSR iaitu mencetuskan anjakan paradigma ke arah masyarakat lestari langsung tidak dapat dijalankan. Sebaliknya Lintec CSR pula adalah berpandukan kepada teras motto syarikat kami, "Keikhlasan dan Kreativiti", dan berpotensi untuk menjadi darah daging dalam menentukan piawai dunia CSR.

Dalam mesej di atas, kesedaran bahawa titik pencapaian keikhlasan adalah berada di dalam hubungan kepercayaan dengan pemegang kepentingan telah dinyatakan dengan jelas. Kreativiti merupakan penggerak CSR yang menyebabkan berlakunya inovasi sosial, dan bukti Rencana 2 boleh dilihat dalam bengkel CSR. "Kerja berterusan kunci kejayaan." Saya percaya bahawa, dengan menambahkan usaha-usaha yang mantap ini, ia akan membawa kepada kelahiran model perniagaan yang baru, dan dengan melaluiinya perubahan sosial dapat dicapai.

Jika dilihat kembali dalam aktiviti pada tahun 2015, objektif dan indeks penilaian utama mengenai materialiti telah ditetapkan dan selain maklumat kewangan, maklumat lain juga telah ditunjukkan bersama-sama, dan ia merupakan satu pencapaian yang perlu

diberi perhatian. Pada masa akan datang, tentang maklumat kewangan, kami berharap untuk menggunakan indeks untuk mengubah kitaran PDCA bagi pengurusan CSR supaya menjadi lebih efektif, manakala bagi maklumat bukan kewangan, kami berharap untuk terus mengembangkannya.

Anjakan modal Rencana 1 adalah ringkas, tetapi ia adalah aktiviti yang penting. Dalam industri pembuatan, penghasilan CO₂ oleh logistik adalah isu yang lebih besar dari sangkaan kita. Dalam laporan alam sekitar nanti, berkenaan dengan industri dan aktiviti alam sekitar, oleh kerana jumlah input dan output Kumpulan LINTEC telah dinyatakan dengan jelas, mungkin adalah baik jika terdapat penjelasan dari sudut pandangan LCA yang memudahkan pembaca memahami gambaran keseluruhan tentang berapa banyak beban dalam mana-mana proses perniagaan, termasuk logistik yang telah berlaku.

Akhirnya, saya mempunyai cadangan. Apabila melihat sistem perjalanan CSR sekarang, kita boleh melihat bahawa Bahagian Perjalanan CSR adalah terdiri daripada lima Ahli Jawatankuasa CSR serta pengarah yang bertanggungjawab dilantik, dan aktiviti pada setiap tahun fiskal telah dijalankan dengan mantap. Pada masa akan datang, adalah penting untuk menghubungkan aktiviti-aktiviti ini dengan materialiti, dan meneruskan persepaduan.

Sebagai lanjutan, kebanyakan tema aktiviti di sini adalah "CSR pertahanan". Saya ingin mencadangkan, sebagai tambahan kepada Jawatankuasa CSR yang keenam, supaya terdapat kerjasama dengan bengkel CSR yang diterangkan di atas, dan pengembangan "CSR proaktif" ke seluruh syarikat. Ini adalah kerana saya percaya bahawa perkara ini, sambil ia menjadi asas bagi "keikhlasan", ia juga berkait dengan pelebaran secara dinamik sayap "kreativiti".

Respons kepada Pendapat Pihak Ketiga

Kepada Encik Tada, kami telah menerima pandangan anda terhadap pelaporan CSR Syarikat edisi 2012. Jutaan terima kasih diucapkan terhadap komitmen anda dalam memahami aktiviti CSR Kumpulan syarikat kami. Bengkel CSR kesinambungan kepada "CSR proaktif" masih lagi baharu, tetapi kami percaya akan lahir idea-idea baru berkenaan pembangunan modal insan dan model perniagaan. Kami akan terus maju ke hadapan dengan menyusun langkah kami dengan mantap seperti aktiviti CSR yang diubah dengan enjin inovasi.

Aktiviti yang selaras dengan penetapan materialiti adalah merupakan aktiviti penting bagi syarikat kami untuk pertumbuhan yang mampan bersama-sama dengan masyarakat. Dengan menghidupkan kitaran PDCA untuk merangka matlamat dan indeks penilaian utama, kami berharap agar perhubungan yang lebih baik dapat dilahirkan, termasuk juga mewujudkan peluang dengan tanggungjawab sosial. Anjakan modal merupakan peringkat titik permulaan, dan kami percaya kemajuan boleh diteruskan dengan

menyedari bahawa usaha untuk perlindungan alam sekitar dan keselamatan adalah usaha sama antara bahagian pengurusan dan bahagian-bahagian berkaitan.

Pegawai pemacu yang mengatur jawatankuasa CSR telah menyokong aktiviti CSR dalam syarikat dan ini menjadi satu aktiviti penting, yang bergerak bersama-sama dengan aktiviti materialiti. Dan kita akan terus mengekalkan kerjasama dengan organisasi.

Di samping itu, berhubung cadangan kepada jawatankuasa CSR, kami ingin mempertimbangkannya dengan menyesuaikannya dengan keperluan masa bagi pengukuhan sambil memastikan kemajuan bengkel CSR.

Pada masa akan datang, kami akan menggalakkan dan memperkuuhkan aktiviti syarikat sebagai asas pengurusan CSR, dan mensasarkan untuk menjadi syarikat yang dinilai baik dan dipercayai oleh sesiapa juar.

Hiroyuki Nishio

Pengarah Wakil, Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi

Nota Editor

Di bahagian mesej utama kita menggalakkan aktiviti CSR dalam motto syarikat iaitu semangat "Keikhlasan dan Kreativiti", dan kita berterusan ingin terus menyumbang kepada masyarakat. Di samping itu, Rencana 1 memperkenalkan "galakan anjakan modal" sebagai usaha untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar.

Rencana 2 telah menerbitkan "Bengkel CSR" untuk tujuan gabungan CSR dan perniagaan.

Kami akan meneruskan aktiviti CSR untuk memenuhi harapan pemegang kepentingan.



"Laporan CSR Kumpulan LINTEC 2016" Ahli-ahli projek pengeluaran